
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

HSM 503 - SEJARAH SOSIOEKONOMI MALAYSIA

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. Jawab SATU daripada setiap Bahagian A, B dan C. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA soalan hanya TIGA soalan yang pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Bahagian A

1. "Zaman penjajahan menyaksikan Tanah Melayu, Sarawak dan Borneo Utara dikaitkan dengan ekonomi dunia." Sejauh manakah hubungan ini bermanfaat kepada kaum bumiputera?

[100 markah]

2. "Pribumi malas memang sebuah mitos." Hujahkan dalam konteks budaya dan sosioekonomi masyarakat Melayu pada kurun ke-19 dan ke-20.

[100 markah]

Bahagian B

3. Sejauh manakah zaman Pendudukan Jepun (1941-1945) telah menghapuskan sepenuhnya ekonomi komoditi (getah dan bijih timah) di Tanah Melayu?

[100 markah]

4. "Perang Pasifik dan Pendudukan Jepun merupakan satu *rude interruption* bagi Sarawak dan Borneo Utara." Bincangkan pandangan tersebut.

[100 markah]

Bahagian C

5. Analisislah sejauh mana Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia berjaya mengatasi masalah kad pengenalan merah sehingga pengenalan Kempen *MyDaftar*.

[100 markah]

6. "Buruh wanita India dalam sektor perladangan getah bukan sahaja dibayar upah yang rendah berbanding buruh Cina tetapi juga turut menghadapi diskriminasi jantina dalam penerimaan upah." Sejauh manakah pandangan ini dapat dipertahankan?

[100 markah]